

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14/09/2017

Tuduhan Dr. M kelakar – Idris

um - 14/9/2017 pg. 40

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Tuduhan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Pas sebagai pemecah belah pakatan pembangkang disifatkan sebagai satu kenyataan yang kelakar.

Naib Presiden Pas, Idris Ahmad berkata, beliau percaya tuduhan itu tercetus berikutan dendam Dr. Mahathir kepada Pas sejak dahulu lagi.

“Dr. Mahathir memang ber-dendam dengan Pas kerana dia tidak boleh terima Islam yang hendak dibawa oleh Pas.

“Dulu dia kata Pas pemecah belah orang Melayu sewaktu dia bermaharajalela (menjadi Perdana Menteri) selama 22 tahun. Hakikatnya dialah bapa pemecah belah masyarakat khususnya orang Melayu,” katanya dalam kenyataan yang disiarkan portal Harakahdaily, hari ini.

Dr. Mahathir menerusi catatan di dalam blognya kelmarin menuduh Pas akan berperanan sebagai perosak dalam pilihan raya umum akan datang kerana terlalu taksab dengan permusuhannya terhadap PAN dan DAP.

Dr. Mahathir berkata, Pas lebih



Dulu dia kata Pas pemecah belah orang Melayu sewaktu dia bermaharajalela (menjadi Perdana Menteri) selama 22 tahun. Hakikatnya dialah bapa pemecah belah masyarakat khususnya orang Melayu”

IDRIS AHMAD
Naib Presiden Pas

rela kalah dalam pertandingan tiga penjuar berbanding mempertahankan orang Melayu, Islam atau negara ini.

Menurut Idris, selepas ini pasti ada lagi tuduhan yang akan dilemparkan oleh Dr. Mahathir terhadap Pas kerana dendam yang tiada kesudahan itu.

“Apa lagi Dr. Mahathir hendak tuduh Pas selepas ini? Semua orang tahu, Tun seorang yang pendendam, sukar untuk memaafkan.

“Jikalau dia sayang seseorang, maka janganlah pula ada orang

pergi jumpa dia beritahu individu ini demikian, demikian.

“Dia tidak akan terima malah dia marah balik kepada pengadu. Kalau dia benci seseorang, sampai lubang cacing dia akan buru,” ujarnya.

Dalam pada itu, Idris menjelaskan, Dr. Mahathir ketika berkuasa juga telah memecat Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas.

“Tidak pernah berlaku dalam sejarah negara, tetapi berlaku pada zaman dia. Sebelum ini, institusi kehakiman di negara ini cukup dihormati,” katanya.